

# Sistem pindah kredit perlu untuk jayakan mobiliti pelajar IPT

PUTRAJAYA 2 Mac - Satu sistem pemindahan kredit yang jelas dan seragam perlu dibangunkan untuk diguna pakai oleh para penuntut yang terlibat dalam pelaksanaan program mobiliti pelajar ke institusi pengajian tinggi (IPT) lain di rantau ini.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, kejayaan program tersebut selalunya bergantung kepada silibus, struktur dan cara pemindahan kredit bagi satu-satu program akademik yang ditawarkan.

“Program mobiliti itu bukan hanya soal hantar pelajar ke luar negara tetapi ia menjadi sebahagian daripada proses pembelajaran mereka.

“Sebab itulah, program tersebut mesti melibatkan pemindahan kredit, kalau tidak pelajar-pelajar terabit tidak mencukupi kredit untuk lulus,” katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Program Mobiliti Pelajar Malaysia-China di sini, hari ini.

Menerusi program itu, seramai 20 pelajar dari Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Pendidikan Sultan Idris akan menyambung pengajian di China bermula Ahad ini selama enam bulan.

Menurut Mohamed Khaled, pihak pengurusan IPT perlu mengenal pasti mana-mana universiti luar negara yang membolehkan pemindahan kredit dapat dilaksanakan dalam program itu.

“Langkah itu perlu kerana ada universiti yang setuju mengadakan program mobiliti tetapi tidak pada soal pemindahan kredit kerana mungkin disebabkan silibus dan struktur subjek pengajian yang ter-



**MOHAMED Khaled Nordin (kanan) bermesra dengan pelajar selepas melancarkan Program Mobiliti Pelajar Malaysia-China di Putrajaya, semalam.**

abit,” katanya.

Menyentuh perkara yang sama, beliau berkata, kejayaan program mobiliti turut bergantung kepada sokongan dana.

Sehubungan itu, beliau berharap, institusi atau syarikat yang membiayai pelajar supaya memasukkan elemen kos bagi menampung mobiliti yang melibatkan pelajar tajaan

merka.

“Dengan cara itu, kita boleh menambah bilangan pelajar IPT tempatan untuk menyertai program mobiliti itu.” katanya.